



UNIVERSITI
MALAYA

Akademi Pengajian Melayu

ETNOOPERUBATAN: FALSAFAH, KONSEP DAN AMALAN

PENYUNTING


MOHD TAUFIK ARRIDZO BIN MOHD BALWI

ZAMREE BIN ABU HASSAN

MOHAMMAD NAZZRI BIN AHMAD

AHMAD RAMIZU BIN ABDULLAH

HASMIDAR BINTI HASSAN



Cetakan Pertama 2021

© Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi, Zamree bin Abu Hassan, Mohamad Nazzri bin Ahmad, Ahmad Ramizu bin Abdullah dan Hasmidar binti Hassan 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ETNOOPERUBATAN : FALSAFAH, KONSEP DAN AMALAN / Penyelenggara:

Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi, Zamree bin Abu Hassan,
Mohamad Nazzri bin Ahmad, Ahmad Ramizu bin Abdullah,
Hasmidar binti Hassan.

ISBN 978-967-2182-43-6

1. Traditional medicine.
2. Malays (Asian people)--Medicine.
3. Alternative medicine.
4. Government publications--Malaysia.

I. Mohd. Taufik Arridzo Mohd. Balwi. II. Zamree Abu Hassan.
III. Mohamad Nazzri Ahmad. IV. Ahmad Ramizu Abdullah.
V. Hasmidar Hassan.

615.880899923

Dicetak oleh

City Reprographic Services
No. 2, Jalan Vivekananda, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: city_repro2@yahoo.com

ETNOOPERUBATAN: FALSAFAH, KONSEP DAN AMALAN

Penyunting:

Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi

Zamree bin Abu Hassan

Mohamad Nazzri bin Ahmad

Ahmad Ramizu bin Abdullah

Hasmidar binti Hassan

Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

2021

Konsep Sihat dan Sakit Menurut <i>Serat Munasihat Jari</i> Oleh: Bani Sudardi	116	22	Pemuliharaan Penguabatan Melayu Dalam Perspektif Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) Oleh: Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muhammad Ghaddafi Hanafiah, Yusmilyati Yunos dan Norizam Jamian	228
Gambaran Perubahan Tradisional Melayu Dalam Novel <i>Kudup Hijau Tropika</i> Oleh: Nurhanizah Hashim, Eizah Mat Hussain dan Asbah Razali	122	23	Herba Dalam Pembuatan Minyak Sakal Putung Serai Wangi Oleh: Nur Atikah Ibrahim, Yusmilyati Yunos, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muhammad Ghaddafi Hanafiah, Mohd Norizam Jamian dan Zubir Idris	240
Manuskrip MSS 3007 <i>Petua Melayu: Cara Masyarakat Melayu Memelihara Kesejahteraan Hidup Berkeluarga</i> Oleh: Nurul Nashrah Lamin, Ismail kamus dan Zahir Ahmad	132	24	Khasiat Pokok Pandan Sebagai Sumber Perubahan Melayu di Sekitar Halaman Rumah Oleh: Norlina Rawi, Mohammad Nazri Ahmad, Nor Hisham Osman, Nor Azlin Hamidon, Ahmad Ramizu Abdullah dan Noraini Mahmud	254
Model Umum Pembangunan Perubahan Melayu Berasarkan Manuskrip Kitab-kitab Perubahan Melayu Oleh: Norhissam Mustafa, Abd Hadi Mohd Isa, Normizam Ngadeni, Muhammad Nasiruddin Mohd Sobri, Surtani Md Sanusi dan Md Asri Ngadi	149	25	<i>Mak Wan's Massage Oil For Traditional and Complementary Medicine</i> Oleh: Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Nur Yuhanis Mohd Nasir	261
Indeks Herba Dalam Novel <i>Herba Legasi Bonda</i> Oleh: Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Zamree Abu Hassan, Mohd Taufik Aridzo Mohd Balwi dan Kamariah Kamarudin	162	26	Ramuan Perubahan Jamu Tradisional Dalam "Serat Kawruh Bab Jampi-jampi Jawi" Oleh: Sutarjo, Sujono dan Sisyono Eko Widodo	272
Hubungan Fenomena Langit Dengan Kesihatan Mengikut Keperayaan Tradisi Orang Asli Semelai Berserta Perbandingan Dengan Beberapa Etnik Orang Asli Lain di Semenanjung Malaysia Oleh: Nurul Fatini Jaafar dan Ahmad Hakimi Khairuddin	179	27	Jenis-jenis Keris Dalam Perubahan Tradisional Melayu di Kelantan Oleh: Azlina Binti Musa dan Yusmilyati Yunos	284
Laras Perubahan Dalam Facebook Petua dan Amalan Orang Lama Oleh: Rohaidah Haron	189	28	Mengesan Kehadiran Jin Dalam Badan Manusia Berdasarkan Perubahan Tahap Elektrik: Konsep Perpaduan Rawatan Tradisional dan Teknologi Modern Oleh: Yohan Kurniawan dan Burhan Bin Che Daud	300
Personalistik dan Kaitannya Dengan Etiologi Penyakit: Pespektif Masyarakat Melayu Kedah Oleh: Mohd Abdul Hadi Johari dan Ahmad Hakimi Khairuddin	200	29	Peniagaan Kesihatan Dalam Perubahan Tradisional: Kaedah dan Rawatan Oleh: Atikah Abdul Azam, Awang Azman Awang Pawi dan Kim Hyun Rou Kim	307
AMALAN	213	30	Penguabatan Penyakit Kelamin Menurut <i>Serat Centhini</i> Oleh: Supana dan Bani Sudardi	314
<i>Application of Biotechnology in Enhancing Production of Valay Traditional Medicinal Products</i> Oleh: Muhammad Bin Zakaria dan Nur Aitina Muhammad	215			
Peranan dan Sumbangan Sains Moden Dalam Ilmu dan Amalan Perubahan Melayu	223			

MENGESAN KEHADIRAN JIN DALAM BADAN MANUSIA BERDASARKAN PERUBAHAN TAHAP ELEKTRIK: KONSEP PERPADUAN RAWATAN TRADISIONAL DAN TEKNOLOGI MODEN

Yohan Kurniawan
Burhan Bin Che Daud

Pendahuluan

Kepercayaan kepada makhluk ghaib telah lama wujud dalam kalangan masyarakat di nusantara, terutamanya di Malaysia. Makhluk ghaib adalah makhluk-makhluk yang berada didimensi di luar dimensi manusia dan tidak semua manusia dapat melihat kewujudan dan kehadirannya. Contoh daripada makhluk ghaib adalah malaikat, jin dan syaitan. Terdapat banyak jenis hantu yang dipercayai oleh masyarakat di Malaysia seperti hantu pontianak, hantu raya, hantu pelesit, hantu bungkus, hantu kopok, hantu kum kum, hantu penanggal, dan sebagainya.

Kewujudan jin bukan sahaja terdapat dalam kepercayaan dan budaya suatu masyarakat, akan tetapi telah disebutkan juga dalam al-Quran. Seperti halnya kejadian penciptaan makhluk Allah, malaikat diciptakan daripada cahaya, manusia diciptakan daripada tanah sedangkan jin diciptakan daripada api (Syarhan, 2015). Hal ini berdasarkan dalil yang terdapat dalam al-Quran iaitu surah ar-Rahman: ayat 15, surah al-Hijr: ayat 27, surah al-A'raf: ayat 12 (Syarhan, 2015). Seringkali kita mengalami kesulitan makna antara jin, iblis dan syaitan dan kita kerap kali menyamakan di antara ketiganya. Jin adalah penghuni pertama bumi (sebelum nabi Adam) dan diciptakan daripada pai yang terlalu panas (al-Hijr: ayat 26-27 dalam Ansaruddin, 2014). Iblis adalah istilah yang diberikan oleh Allah kepada malaikat (Azazil) yang membantah atau melawannya (Ansaruddin, 2014). Syaitan adalah gelaran kepada bala tentera iblis dan biasanya mereka berasal daripada golongan jin yang dipanggil, ditangkap, dipaksa dan direkrut (Ansaruddin, 2014). Dirwayatkan dalam sebuah hadis dari Abu Tha'labah ra (dalam Syarhan, 2015), Rasulullah s.a.w telah bersabda bahawa jin itu mempunyai tiga jenis: satu jenis yang mempunyai sayap yang bertubangan di udara, satu jenis yang berupa uhar dan anjing dan satu jenis yang berpindah randah. Sebuahungan dengan tempat tinggal jin, jin suka tinggal di tempat-tempat yang sepi daripada manusia, jin tinggal di tempat-tempat yang kotor, jin tinggal di tandas, jin juga suka tinggal di tempat bertubang, dan jin juga suka tinggal di tempat yang terdapat kotoran dan buangan binatang (Syarhan, 2015). Terdapat beberapa hadis sahih yang menyatakan bahawa jin juga makan dan minum seperti manusia dan antara makanan jin adalah tulang, kotoran binatang, dan asap (Syarhan, 2015).

Bomoh dan Perubahan Tradisional

Bomoh atau dukun adalah orang yang mengubat, merawat orang sakit secara memberi jampi-jampi, mantera, guna-guna, azimat dan sebagainya (Abdul, 2015). Bomoh tergolong sebagai "kahin" iaitu orang yang mengaku mengetahui perkara yang ghaib dan memberitahu pelbagai perkara kepada orang awam (Abdul, 2015).

Terdapat beberapa kategori bomoh iaitu (Abdul, 2015):

Bomoh yang "mengusai" jin.

Bomoh ini melakukan amalan-amalan tertentu untuk mengundang dan mendapatkan bantuan jin. Bomoh ini menyangka telah menguasai jin tersebut, pada hakikatnya jin tersebut hanya berpura-pura tunduk kepadanya kerana bomoh tersebut telah memenuhi kehendaknya.

Bomoh yang dikuasai jin.

Bomoh ini akan didatangi oleh jin yang menawarkan bantuan kepadanya tanpa perlu melakukan sebarang amalan atau ritual. Jin ini akan datang melalui bisikan, mimpi, rasuk, melalui benda tertentu malupun melalui penampakan diri dalam kewujudan tertentu.

Bomoh palsu

Bomoh yang menggunakan tipu daya, pengamatan dan pengalaman harian untuk menipu orang lain atau pesakit yang datang kepadanya. Bomoh dikatakan palsu kerana tidak ada kekuatan ghaib, mistik yang terikat. Bomoh ini seringkali menggunakan peralatan teknologi, alatan kimia tertentu dalam aksinya untuk meyakinkan pesakit.

Pada masa kini, istilah bomoh seringkali disamakan dengan paranormal ("arraf"). Imam al-Baghawi berkata, "arraf" adalah omag yang mengaku tahu perkara yang telah berlaku, yang sedang dan akan berlaku dengan menggunakan isyarat-isyarat tertentu, contohnya menunjukkan barang curi, tempat barang hilang dan sebagainya (Abdul, 2015). Ibnu Taiminyah mengatakan bahawa "arraf" ialah sebutan untuk tukang ramal, ahli nujum, peramal nasib dan seumpamanya yang mengaku tahu tentang sesuatu perkara dengan cara-cara tertentu (Abdul, 2015).

Bomoh (kahin) adalah orang yang mengaku mengetahui hal-hal ghaib dan mengkhabarkan kepada orang ramai tentang perkara yang akan terjadi berdasarkan informasi yang diperolehi daripada jin. Oleh kerana itu, Nabi Muhammad s.a.w tidak mengaku umat kepada mereka yang bertemu dan meminta bantuan golongan kahin seperti bomoh, paranormal, dan ahli nujum seperti yang disebutkan dalam hadis riwayat at-Tirmizi (Abdul, 2015).

Bomoh telah lama wujud di Malaysia, bukan hanya dalam komuniti masyarakat Melayu, tetapi juga wujud dalam komuniti masyarakat Cina dan India. Selain bomoh, istilah pawang juga terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu. Pawang merujuk kepada seseorang yang memiliki kemampuan atau keterampilan tertentu termasuk melakukan sihir (Mohd Taib, 1989). Di kawasan Kelantan dan masyarakat Melayu di sebelah selatan Thailand menyamakan istilah pawang dengan bomoh. Jeanne Cuisinier dalam Mohd Taib (1989) mengatakan bahawa bomoh terbahagi kepada dua iaitu bomoh yang mewarisi ilmunya daripada bapa atau moyangnya, dan bomoh yang belajar secara khas daripada bomoh lain. Masyarakat Melayu masih dipercayai bomoh apabila mereka mengalami masalah kesihatan seperti penyakit terutamanya penyakit yang tidak dapat diubat atau dijelaskan secara perubahan moden. Kehadiran bomoh merupakan satu fenomena yang tidak dapat dilepaskan daripada sosio-budaya masyarakat Melayu.

Terdapat beberapa kaedah rawatan yang digunakan oleh bomoh dan pengamal perubahan alternatif atau tradisional. Untuk bomoh tradisional yang tidak mengamalkan rawatan secara Islam biasanya akan menggunakan mantera tertentu. Untuk pengamal perubahan yang mengamalkan rawatan secara Islam berdasarkan ayat-ayat dalam surah di al-Quran dan ruyah.

Elektrik dan Warna

Warna telah lama digunakan dalam rawatan penyakit fizikal dan mental. Hal ini disebabkan setiap warna memiliki panjang gelombang tertentu, yang mana panjang gelombang itu memiliki hubungan dengan energi yang dimiliki oleh warna tersebut. Energi tersebut dapat memberi kesan kepada fizikal manusia contohnya penggunaan cahaya untuk mengubati penyakit kencing pada bayi, penggunaan infra merah untuk mengubati penyakit saraf, dan sebagainya. Warna juga sering digunakan dalam terapi contohnya penggunaan pakaian dengan warna tertentu dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan diri seseorang.

Jadual 1: Warna dalam Rawatan Penyakit Fizikal dan Mental

Warna	Panjang Gelombang Warna (nm)	Frekuensi (THz)
Red	630 – 700	475.861 – 428.275
Orange	590 – 630	508.123 – 473.861
Yellow	570 – 590	525.952 – 508.123
Green	500 – 570	599.585 – 525.952
Blue	450 – 500	666.205 – 599.585
Violet	400 – 450	749.481 – 666.205

(Sumber: Edwin, 1999)

Warna aura adalah warna yang serupa dengan warna yang dimiliki oleh pelangi. Hasil kajian mendapati bahawa aura manusia terdiri daripada tujuh lapisan atau peringkat (Lindgren, 2000). Warna-warna ini adalah identik dengan keperibadian manusia. Manusia mempunyai warna dasar, atau kombinasi warna yang kekal walau bagaimanapun, warna dan tenaga yang terdapat dalam aura manusia boleh berubah dalam tempoh yang pantas dan dapat berubah dari masa ke semasa (Lindgren, 2000).

Kajian aura yang dijalankan oleh Oscar Bagnall kepada responden yang memiliki permasalahan bura warna mendapati bahawa kemampuan seseorang melihat warna aura adalah bersifat subjektif (Lindgren, 2000). Walaupun penilaian terhadap warna aura bersifat subjektif, akan tetapi kajian ini meyakini bahawa aura itu sendiri adalah bersifat objektif (Lindgren, 2000).

Selama lebih daripada 100 tahun, penyelidik berusaha untuk mendapatkan gambar aura. Nikola Tesla yang kajian-kajianya berhubungan dengan cahaya sehingga dikenali sebagai pakar kuasa elektrik moden telah meletakkan dasar teknologi untuk merakamkan gambaran cahaya yang menjadi asas kepada teknologi fotografi Kirlian sekitar tahun 1890-an (Lindgre, 2000). Teknologi fotografi Kirlian digunakan oleh Tesla untuk mengambil gambar aura yang pertama. Dia telah mengambil gambar-gambar bukan sahaja daripada aura sekitar hujung jari, tetapi juga aura badan keseluruhan dengan menggunakan alat yang telah dihubungkan dengan badan (Lindgren, 2000).

Kajian aura yang dijalankan oleh Valerie Hunt daripada Universiti California Los Angeles telah berjaya menghasilkan sebuah kaedah untuk mengesan perubahan gelombang bio-elektrikal pada bahagian kulit yang terletak di atas titik oktra dengan menggunakan standard EMG (Lindgren, 2000). Hunt mendapati bahawa perubahan warna aura yang diperhatikan oleh pakar psikik sesuai dengan rakaman EMG. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa warna aura memiliki hubungan rapat dengan corak gelombang elektrik (Lindgren, 2000).

Guy Coggins (1980) membangunkan sebuah kamera untuk mengesan dan memaparkan gambaran aura atau medan elektromagnetik di persekitaran manusia. Peralatan ini menggunakan kaedah bio-feedback. Warna, bentuk dan saiz aura yang dihasilkan oleh kamera tersebut berhubung kait rapat dengan emosi dan rohani seseorang (Lindgren, 2000).

Permasalahan dan Objektif Kajian

Permasalahan yang seringkali berlaku dalam proses rawatan, baik rawatan alternatif Islam mahupun bukan Islam terutamanya yang berhubungan dengan gangguan jin dalam badan seseorang adalah ketidakpastian kewujudan atau gangguan yang dialami oleh seseorang samada disebabkan oleh jin atau bukan. Seringkali pesakit percaya dengan maklumat yang diberikan oleh perawatnya walaupun seringkali berlaku perawat sendiri tidak mengetahui secara pasti apakah gangguan yang dialami pesakit disebabkan oleh jin atau bukan.

Objektif kajian ini adalah menguji tahap kesignifikan kaedah mengesan kewujudan jin dalam badan seseorang berdasarkan perubahan tahap elektrik dalam badan pesakit.


Kaedah mengesan kehadiran jin dalam badan seseorang berdasarkan tahap elektrik adalah sesuai. Hal ini disebabkan jin adalah sebuah energi dan memiliki hubungan dengan gelombang elektromagnetik. Hipotesis kajian menyatakan bahawa kekuatan atau energi daripada jin dapat diukur melalui ukuran tahap elektrik dalam badan.

Metodologi Penyelidikan

Kajian yang dijalankan merupakan sebuah kajian kuasi eksperimen dan kajian kes. Responden kajian terdiri daripada 2 orang pemilik saka yang disahkan daripada pengalaman mereka serta maklumat daripada pengamal perubahan yang merawat mereka selama ini. Kajian dilakukan secara bersiri dalam masa 2 tahun.

Peralatan kajian dalam kajian ini adalah peralatan WinAura Pro yang digunakan untuk mengukur perubahan warna aura badan. Warna aura diperolehi daripada perubahan tahap elektrik dalam badan. Peralatan WinAura ini merupakan peralatan *biofeedback* dan kamera yang digunakan bekerja melalui dua cara iaitu dua saat digunakan oleh kamera untuk mengambil gambar responden, dan enam sehingga lapan saat mengukur tahap elektrik badan daripada telapak tangan. Data frekuensi elektrik tersebut kemudian ditukar kepada warna yang menunjukkan sebagai warna aura.

Model pengambilan data kajian ini adalah sebagai berikut:




Rajah 1: Model Pengambilan Data Kajian

Analisis data kajian dilakukan dengan menganalisis majoriti data warna aura yang wujud dan kesannya kepada badan, mental atau semangat dalaman. Selain majoriti warna aura yang terjadi, data utama dalam kajian ini adalah kewujudan warna tertentu yang menunjukkan kewujudan atau kehadiran jin dalam badan pesakit.

Hasil Kajian


Kajian yang dijalankan merupakan sebuah kajian bersiri yang berlangsung selama lebih kurang 2 tahun. Data kajian daripada dua responden yang memiliki jin saka menunjukkan kewujudan warna tertentu yang konsisten ketika responden mendapat rawatan berupa instrumental muzik tradisional Melayu atau surah al-Fatihah atau ruyah.

Pada awal kajian, responden akan diukur tahap elektrik badan berdasarkan perubahan warna aura ketika tidak mendapat sebarang rawatan. Sebelum responden mendapat rawatan, responden akan diukur tahap elektrik badan dan data ini akan dibandingkan dengan tahap elektrik badan ketika mendapat rawatan.



Gambar 1: Tahap Elektrik Badan Responden Ketika Tidak Mendapat Rawatan

Gambar 1 di atas menunjukkan warna aura responden ketika tidak mendapat sebarang rawatan. Gambar di atas merupakan sebahagian data daripada beberapa siri pengambilan data yang telah dilakukan selama lebih kurang 2 tahun. Gambar 1(a) menunjukkan warna aura pada bahagian badan responden adalah hijau, biru, ungu. Sedangkan gambar 1(b) menunjukkan bahagian kiri badan responden menunjukkan warna aura merah dan bahagian kanan badan responden menunjukkan warna aura ungu. Kedua warna ini adalah kekal sejak awal kajian dijalankan sehingga pada hari ini. Gambar 1(a) tidak ditemui kewujudan warna merah pada responden semasa tidak mendapat sebarang rawatan sejak awal kajian sehingga pada hari ini.



Gambar 2: Tahap Elektrik Badan Responden Ketika Mendapat Rawatan

Gambar 2 di atas menunjukkan perubahan tahap elektrik badan ketika responden mendapat rawatan seperti instrumental muzik tradisional Melayu atau bacaan surah al-Fatihah atau ruyah. Ketika responden mendapat rawatan, bahagian badan tertentu responden akan menunjukkan warna merah.

Warna merah ini hanya wujud pada bahagian badan tertentu responden iaitu bahagian kepala atau tekak atau dada atau bahagian badan sebelah kiri. Bahagian badan yang lain tidak menunjukkan warna merah ketika mendapat rawatan.

Kewujudan warna merah ini berlaku sejak awal kajian sehingga pada hari ini. Ia bersifat konsisten untuk jangka masa yang lama (lebih kurang 2 tahun). Sejak awal kajian sehingga pada hari ini, jin yang ada dalam badan responden belum berjaya dihang dan berdasarkan maklumat tersebut, hipotesis pengkaji adalah masih terdapat jin dalam badan responden.

Perbincangan dan Kesimpulan

Hasil kajian ini menunjukkan wujud warna tertentu iaitu warna merah pada bahagian badan responden yang memiliki jin. Warna merah ini identik dengan kehadiran jin, hal ini berdasarkan asal penciptaan jin iaitu daripada api yang panas dan berwarna merah seperti yang dijelaskan dalam beberapa surah dan hadis seperti:

وَالجِنَّ حُمْرٌ مِنْ نَارِ السَّن

“Dan Kami telah menciptakan jin sebelum (Adam) dari api yang sangat panas.” (al-Hijr: ayat 27)

Juga firman-Nya:

وَجَنَّاتٍ مِنْ نَارِ السَّن

“Dan Dia menciptakan jin dari nyala api.” (ar-Rahman: ayat 15)

Rasulullah s.a.w bersabda:


يَأْتِي الكَلْبَةَ مِنْ نَارِ وُجَيْتِ الجَنِّ مِنْ نَارِ وُجَيْتِ النَّارِ وَمِنْ رُحِفِ النَّارِ

“Para malaikat diciptakan dari cahaya, jin diciptakan dari nyala api, dan Adam diciptakan dari apa yang disijatkan kepada kaliam.” (Muslim no. 2996 dari ‘Aisyah ra)

Warna merah terjadi kerana energi atau kekuatan yang terdapat dalam badan seseorang mengeluarkan elektrik dengan kekuatan panjang gelombang merah. Warna merah tersebut memiliki panjang gelombang sebesar 630nm – 700nm dengan tahap elektrik sebesar 428.275THz – 475.861THz. Warna merah memiliki gelombang terpanjang dibandingkan dengan warna lain, akan tetapi warna merah memiliki tahap elektrik paling rendah dibandingkan warna lain, tertamannya warna ungu (panjang gelombang = 400nm – 450nm dengan tahap elektrik = 666.205THz – 749.481THz).

Badan seseorang dapat diketahui menggunakan ukuran tahap elektrik dalam badan yang mana ukuran tersebut akan diubah ke dalam bentuk warna merah yang wujud pada bahagian tertentu badan individu yang diduga memiliki jin. Kewujudan warna merah pada bahagian badan seseorang juga dapat digunakan sebagai maklumat yang menjangkakan letak jin dalam badan seseorang.

Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji mencadangkan model untuk mengesan kewujudan jin yang dapat digunakan oleh perawat atau pengamal perubahan tradisional di pusat rawatan alternatif baik rawatan Islam mahupun bukan Islam adalah sebagai berikut:



Rajah 2: Model Urut Mengesan Kewujudan Jin

Kesimpulan

Kesimpulan daripada kajian ini adalah kewujudan atau kehadiran jin dalam badan manusia dapat dijangkakan menggunakan ukuran elektrik dalam badan pesakit, yang mana ukuran elektrik tersebut akan ditukar dalam bentuk warna merah dan wujud pada bahagian badan tertentu pesakit terutamanya bahagian kepala, tekak, dada, atau bahagian badan sebelah kiri. Letak warna merah tersebut dapat dijadikan jangkakan bagi pengamal perubahan tradisional berhubung letak jin dalam badan pesakit.

Bibliografi

Abdul Majid Hassan. (2015). Teknik rawatan gangguan jin. Selangor: Kemilau Publika Sdn Bhd.
 Anasruddin Agus. (2014). Soal jawab Pak Engku : membongkar misteri alam jin. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
 Edwin R. Jones. (1999). "Physics 153 class notes". University of South Carolina, dalam <https://physics.info/ledor/>
 Lindgren, C.E. (2000). Capturing the aura. California: Blue Dolphin Publishing.
 Mohd Taib Osman. (1989). Malay folk beliefs. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Syarhan Shafie. (2015). Perubahan Islam menangkis kejahatan makhluk halus. Machang: Al Ruyyah Thobbi.

PENJAGAAN KESIHATAN DALAM PERUBATAN TRADISIONAL: KAEDAH DAN RAWATAN

Atikah Abdul Azam
 Awang Azman Awang Pawi
 Kim Hyun Rou Kim

Pengenalan

Perubatan Melayu tradisional menurut Haliza (2000), merupakan suatu paradigma yang mencakupi dari elemen-elemen yang tidak terdapat dalam paradigma bioperubatan dan dikategorikan sebagai ilmu turun temurun dari masyarakat terdahulu. Dasar perubahan ketika itu mementingkan jenis-jenis penyakit, cara rawatan, cara mengubahi dan mengekalkan kesihatan yang baik. Begitu juga dengan cara menghasilkan perubahan adalah bertaraskan falsafah alam. Falsafah ini telah mewujudkan kaedah-kaedah tertentu dalam memurnikan proses penjagaan kesihatan. Penjagaan kesihatan yang berkonsepkan perubahan tradisional ini dipercayai masih lagi menjadi sebahagian dari masyarakat Melayu terutamanya dalam kalangan masyarakat kampung atau luar bandar (Kadir, 2007, hlm. 65). Namun, memandangkan berlakunya perubahan masa, kedudukan pengalaman tradisional turut mengalami perubahan dari sudut pengetahuan, pengalaman dan kepercayaannya. Bagaimana pun, kesan tersebut dipercayai turut berlaku dalam masyarakat luar bandar seperti di Keechau, Lipis dan sejauh mana kedudukan pengalaman penjagaan kesihatan cara tradisional ini masih mendapat dan dikekalkan dalam tempat dalam kelompok masyarakat Melayu di luar bandar ini.

Tujuan Kajian

Kajian ini adalah untuk meneliti dan menganalisis pengalaman perubahan tradisional dalam masyarakat Melayu di Keechau, Lipis.

Metodologi

Kajian ini telah menggunakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif. Berdasarkan kaedah kualitatif ini, iina orang perawat tradisional ditemu bual dengan tujuan memahami kaedah dan rawatan dalam perubahan tradisional. Manakala kajian kuantitatif, menjalankan kajian survei ke atas 50 orang responden untuk menilai tahap penerimaan perubahan tradisional dalam kalangan penduduk. Kajian survei ini menilai daripada aspek cara tahap kesihatan, cara pengambilan makanan, cara rawatan ketika sakit dan amalan berpantang bagi kaum wanita. Disamping itu juga, responden juga di buat temubual ringkas yang mengenai kaedah tradisional iaitu kaedah azimat, jamipi, yang menggunakan sumber herba atau akar kayu dan yang menggunakan sumber fauna. Tujuan temubual ini adalah untuk melihat sejauhmana tahap pengetahuan dan pengalaman dengan cara penjagaan kesihatan dengan menggunakan perubahan tradisional ini.

Hasil Kajian

Latar Belakang Kawasan Kajian: Mukim Keechau, Lipis

Mukim Keechau berada di tengah-tengah kawasan di antara Cheka dan Batu Yon. Keechau terdiri daripada enam buah kampung utama iaitu kampung Melaka, kampung Dusun, kampung sungai Mum, kampung Pagar Sasak, kampung Petola dan kampung Dada Kering. Selain itu, di keechau mempunyai FELDA dan satu penempatan orang asli. Pusat pentadbiran keechau bertempat di kampung Pagar



UNIVERSITI
MALAYA

اوليوز سرينيڤتيا مالايا

13 Oktober 2021

Assalamualaikum,

Kepada:

Prof. Madya Dr. Yohan Kurniawan
Faculty for Language Studies and Human Development,
Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan

BUKU ETNO PERUBATAN MELAYU

Adalah dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan pihak Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya telah mengerbit dan mencetak buku *Etno Perubatan Melayu* yang berasaskan makalah yang dibentangkan pada Seminar Antarabangsa Perubatan Melayu pada tahun 2017 lalu.

3. Sehubungan itu, tuan/puan diberikan senaskhah buku tersebut sebagai tanda ingatan dan penghargaan tuan/puan kerana penglibatan dalam Seminar tersebut. Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum wfr. wb.

Yang benar,

(DR. MOHD TAUFIK ARRIDZOT BIN MOHD BALWI)

Akademi Pengajian Melayu,

Universiti Malaya, Kuala Lumpur.